

10/05/2001

Daim pertahan pendirian Mahathir

Saidon Idris

KUALA LUMPUR, Rabu - Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin mempertahankan pendirian Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai globalisasi dengan menyifatkan Perdana Menteri sebagai pembawa perubahan yang komited.

"Saya agak rapat dengan Dr Mahathir dan saya boleh memberi jaminan kepada anda bahawa beliau seorang pembawa perubahan yang komited dan pemikir yang baik tetapi pandangannya keras, kadangkala tidak begitu disenangi oleh media.

"Beliau yang dulunya disifatkan sebagai 'mempunyai keazaman yang tinggi' dan 'pintar', kini dianggap pula sebagai 'senang marah', 'keras kepala'.

"Dr Mahathir, sebagai mana anda semua, begitu bersungguh-sungguh mengalukan-alukan globalisasi walaupun sejak kebelakangan ini beliau mempunyai kebimbangan yang berasas terhadap pelaksanaan dan manfaatnya, terutama mengenai kesan globalisasi terhadap negara kurang maju," kata Daim.

Beliau menyatakan demikian pada persidangan Bank Pembangunan Asia (ADB) di Honolulu, Hawaii, Amerika Syarikat, Teks ucapannya, dikeluarkan di sini hari ini.

Daim berkata, beliau agak 'geli hati' baru-baru ini apabila membaca satu laporan yang tidak memberangsangkan mengenai Malaysia dan Perdana Menteri.

Laporan itu, katanya, menyebut: "Mahathir Mohamad, secara amnya terlalu memusuhi pelabur Barat dan pasaran, masih kekal sebagai Perdana Menteri dan kroninya masih belum melalui perubahan."

Daim menegaskan, Malaysia bukan asing kepada globalisasi dan adalah antara negara yang mempunyai ekonomi paling terbuka di dunia dengan eksport mewakili 120 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun lalu dan import pula mewakili 94 peratus.

"Malaysia adalah negara perdagangan ke-17 terbesar di dunia. Komitmen kami kepada globalisasi terbukti kepada mereka yang mengambil berat untuk meneliti dasar kami," katanya.

Beliau berkata, Malaysia sudah menyatakan ia mahu menjadi ekonomi terbuka sepenuhnya dan kerana itu, aktif mencari rakan kongsi strategik untuk menguruskan lapangan terbang, syarikat penerbangan dan industri telekomunikasinya yang begitu menguntungkan.

"Kami mengakui fungsi yang boleh dimainkan oleh pengurus bertaraf antarabangsa tidak mengira dari mana asal mereka. Kami juga sentiasa mengalu-alukan pelabur asing," katanya.

Daim berkata, walaupun Malaysia terbuka kepada perdagangan dan pelaburan, perkembangan terkini globalisasi, terutamanya kesan krisis kewangan 1998, negara terpaksa mengkaji semula pendekatannya terhadap globalisasi.

Katanya, kerana Malaysia percaya globalisasi adalah cara untuk meningkatkan kebajikan dan bukan sebaliknya, setiap negara perlu diberi keanjalan untuk menentukan sendiri tahap pembukaan ekonomi mereka dan bukannya dilaksanakan secara paksa.

"Ini bagi memastikan setiap negara dapat mencapai keseimbangan antara daya saing dan kehendak sosioekonomi rakyat kerana globalisasi kini hanya semata-mata mementingkan manfaat sektor swasta dan pasaran terbuka.

"Tetapi kita semua tahu, pasaran mempunyai kelemahannya dan sistem pasaran sering kali gagal. Oleh itu, kita tidak boleh mengharap sektor swasta untuk melindungi kepentingan awam. Ia adalah tanggungjawab kerajaan," tegasnya.

Daim berkata, institusi pembangunan serantau seperti ADB boleh mengembangkan fungsinya dengan melaksanakan penyelidikan bertujuan meningkatkan kapasiti negara kecil dan mempunyai ekonomi yang lebih terdedah dalam menghadapi cabaran globalisasi.

Institusi itu juga boleh menggunakan pengaruh mereka untuk mempengaruhi pendapat antarabangsa dalam memastikan pasaran global lebih adil.

Dalam ucapannya, Daim turut melahirkan kebimbangannya mengenai isu yang kononnya dikatakan cadangan baru untuk dibincangkan dalam mesyuarat Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Doha, yang merugikan negara membangun.

"Hakikatnya, isu berkenaan melencong daripada semangat asal sistem perdagangan dua hala. Apa yang perlu ditumpukan ialah melaksanakan sepenuhnya komitmen yang dibuat sebelum ini, termasuk kadar tarif tinggi yang masih dikenakan negara maju, diturunkan bagi mematuhi semangat perdagangan bebas," katanya.

(END)